

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 9 APRIL 2016 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Rakyat kurang guna produk inovasi Malaysia – Abu Bakar	BERNAMA
2.	IBSE to achieve an inclusive and equitable quality education, promote lifelong opportunities for all	BERNAMA
3.	DNA sepadan darah dua tertuduh	Berita Harian
4.	DNA bahagian depan kemeja-T sepadan dengan DNA 'unknown' dan seorang tertuduh – saksi	BERNAMA
5.	DNA berpadanan	Harian Metro
6.	DNA match for 2 suspects	New Straits Times
7.	Water bombing helps douse Sabah forest fires	New Straits Times



Rakyat Kurang Guna Produk Inovasi Malaysia - Abu Bakar

JOHOR BAHRU, 9 April (Bernama) -- Tahap penggunaan produk inovasi Malaysia dalam kalangan rakyat masih rendah kerana mereka kurang yakin dengan produk berkenaan, kata [Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Md Diah](#).

Beliau berkata walaupun banyak usaha telah dilakukan kerajaan termasuk menyediakan dana penyelidikan kepada universiti untuk merangsangkan sektor terbabit, namun rakyat masih menganggap produk Malaysia tidak setanding dengan produk negara luar.

"Bagi saya, kita tiada masalah budaya inovasi kerana kita mempunyai pendidikan dan penyelidikan yang baik yang menjadi asas kepada inovasi tersebut... yang menimbulkan masalah sekarang ialah kebanyakan idea dan hasil inovasi ini tidak diguna oleh rakyat kita.

"Oleh sebab itu, saya ingat mereka perlu mengubah pemikiran dan lebih percayakan teknologi kita sendiri kerana ia boleh juga mencorakkan dunia pada masa datang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pertandingan Chem E-Car 2016 Ke-11 di Fakulti Biosains dan Perubatan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di sini, hari Sabtu.

Pertandingan itu disertai 63 kumpulan daripada 23 universiti tempatan dan luar negara. Ia bertujuan mengukur tahap idea dan inovasi masing-masing selain mempertingkatkan kesedaran dalam teknologi alam sekitar.

-- BERNAMA



IBSE To Achieve An Inclusive And Equitable Quality Education, Promote Lifelong Opportunities For All

KUALA LUMPUR, April 8 (Bernama) -- A forum on 'Embracing The Future And Improving The Quality Of Evidence-Based Science Education' was organised by the International Science, Technology and Innovation Centre (ISTIC) for South-South cooperation under the auspices of UNESCO in collaboration with the office of the Permanent Delegation of Malaysia to UNESCO.

Inquiry Based Science Education (IBSE) which encompasses collaboration, teamwork and a bottom-up approach must be treated as a priority area in the education of developing countries, it said in a statement.

On the other hand, the quintessence of IBSE is knowledge building via exploration, experimentation and discussion. Through its framework, science education is tailored to be learner centred rather than teacher centred.

In this regard, students' or learners' autonomy is highly encouraged.

As a result, students versed in this pedagogy are more inquisitive, learning the 'why' and 'how' and not just the 'what'. Students also can practise IBSE to be more active involved in the construction of knowledge by having a two-way communication with their teachers.

The forum was moderated **Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd Nur**, President of the UNESCO Natural Science Commission. The speakers were: Dr. Souad Abdelrazig Mohamed Saeed, Federal Minister of Education Sudan also as ISTIC Governing Board Member; Dr. Nadia Alhasani, Dean of Student Life, The Petroleum Institute, Abu Dhabi also as ISTIC Governing Board Member; Dr. David Jasmin, Director of the La main a la pate Foundation; Yuri Belfali, Head of Division, Early Childhood and Schools, Directorate for Education and Skills, OECD; Julia Heiss, Programme Specialist, Section of Education for Sustainable Development and Global Citizenship, UNESCO; and Datuk Dr. Samsudin Tugiman, Director of ISTIC.

--BERNAMA

KES BUNUH KEVIN MORAIS

DNA sepadan darah dua tertuduh

» Ahli kimia sahkan kemeja-T milik tertuduh keenam, ketujuh

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Seorang ahli kimia memberitahu Mahkamah Tinggi semalam, profil asid deoksiribonukleik (DNA) yang ditemui pada sehelai kemeja-T, berpadanan dengan spesimen darah dua tertuduh yang didakwa membunuh Timbalan Pendakwa Raya, Anthony Kevin Morais, tahun lalu.

Ahli Kimia Forensik DNA Jabatan Kimia, Nor Aidora Saedon (**gambar**), berkata hasil analisa mendapati profil DNA pada kemeja-T itu sepadan dengan spesimen darah milik tertuduh keenam dan ketujuh iaitu S Nimalan dan S Ravi Chandaran.

Sampel darah

Menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya, Wan Shahrudin Wan Ladin, beliau berkata, profil DNA itu ditemui di bahagian ketiak baju.

“Profil DNA yang diambil daripada ketiak kiri baju sepadan dengan sampel darah milik Nimalan, manakala, DNA Ravi Chandaran ditemui pada bahagian ketiak kanan baju.



“Saya turut menjumpai DNA unknown (tidak diketahui) di bahagian hadapan baju berkenaan. Hasil ujian mendapati profil itu sepadan dengan sampel darah diperolehi daripada adik-beradik Kevin iaitu David Ramesh dan Richard Dilaan,” katanya.

Nor Aidora berkata, beliau menggunakan teknik mengikis bagi mendapatkan DNA daripada kemeja-T berkenaan.

“Teknik itu lebih efektif bagi mendapatkan DNA surih yang lebih besar,” katanya pada hari ketiga perbicaraan kes G Gunasekaran, 48; R Dinishwaran, 24; A Thinesh Kumar, 23; M Vishwanath, 26; Nimalan, 23; dan Ravi Chandaran, 45; yang didakwa membunuh Kevin yang dalam perjalanannya dari Jalan Dutamas Raya, Sentul ke No 1 Jalan USJ1/6D, Subang Jaya, antara jam 7 pagi dan 8 malam pada 4 September 2015.

Turut dituduh pakar patologi, Kolonel Dr R Kunaseegaran, 53, yang didakwa bersubahat dengan enam lelaki itu membunuh Kevin pada tempat, masa dan tarikh sama.



DNA Bahagian Depan Kemeja-T Sepadan Dengan DNA 'Unknown' Dan Seorang Tertuduh - Saksi

KUALA LUMPUR, 8 April (Bernama) -- Mahkamah Tinggi hari ini diberitahu campuran DNA yang ditemukan pada tompokan darah di bahagian depan sehelai kemeja-T adalah sepadan dengan DNA 'unknown' (tidak diketahui) dan DNA seorang tertuduh dalam kes pembunuhan Timbalan Pendakwa Raya Datuk Anthony Kevin Morais.

Ahli Kimia Forensik DNA Jabatan Kimia Malaysia, Nor Aidora Saedon, 43, berkata profil DNA bercampur yang dijumpai pada bahagian hadapan kemeja-T hitam itu sepadan dengan DNA yang diperoleh dari spesimen tulang berlabel 'unknown' dan DNA spesimen darah berlabel S. Nimalan.

Dalam keterangannya semalam, Nor Aidora berkata DNA spesimen tulang berlabel 'unknown' itu sepadan dengan DNA sampel yang diperoleh daripada adik-beradik kandung Kevin Morais iaitu David Ramesh dan Richard Dilaan.

Ketika ditanya dalam pemeriksaan utama oleh Timbalan Pendakwa Raya Wan Shahrudin Wan Ladin sama ada berlaku sentuhan antara DNA 'unknown' dengan DNA Nimalan, saksi pendakwaan kesembilan itu berkata "berkemungkinan bersentuhan dan mungkin juga tidak".

Nor Aidora turut memberitahu mahkamah bahawa beliau mendapatkan DNA itu dengan cara mengikis baju tersebut.

"Terdapat tiga cara untuk memperoleh kesan DNA surih iaitu memotong tempat yang berkenaan, mengambil dengan kapas kesat dan menggunakan pisau pengikis yang sangat tajam untuk mengikis apa sahaja yang melekat pada barang bukti.

"Teknik saya untuk mendapatkan DNA surih pada baju ini ialah dengan mengikis," katanya sambil menambah teknik itu lebih efektif untuk mendapatkan DNA surih yang lebih besar.

Bagaimanapun, Nor Aidora tidak menolak kemungkinan profil DNA tidak dapat diperoleh berikutan proses pereputan badan manusia yang menyebabkan kehadiran bakteria selain faktor kelembapan dan suhu tinggi melampau.

Beliau berkata satu profil DNA diperoleh pada bahagian ketiak kanan dan kiri kemeja-T itu yang dikemukakan sebagai bahan bukti dalam kes tersebut sepadan dengan profil DNA berlabel Nimalan dan S. Ravi Chandaran.

"Semasa saya terima kemeja-T ini, saya menjalankan ujian DNA surih ke atas beberapa tompokan yang ditandakan pada bahagian ketiak kanan dan kiri serta di bahagian hadapan baju tersebut.

"DNA itu berpadanan dengan profil DNA daripada dua spesimen kesan darah berlabel S. Nimalan dan S. Ravi Chandaran," katanya dalam keterangannya di hadapan Hakim Datuk Azman Abdullah.

Menjawab mengenai keselamatan barang kes, Nor Aidora berkata beliau yakin barang kes yang diterimanya tersimpan dengan selamat dan tidak diganggu berdasarkan prosedur penyimpanan yang rapi di bilik kebal di jabatannya.

"Apabila kami menerima (barang kes) daripada pihak polis, kami akan daftar, beri nombor makmal dan keluarkan pelekat bagi setiap barang kes sebelum memasukkan ke dalam plastik yang di 'heat seal' (pateri), ditandatangani dan disimpan di dalam bilik kebal berkunci," katanya.

Ketika ditanya Wan Shaharuddin, saksi itu turut menjelaskan bahawa DNA tidak akan diperoleh sekiranya barang kes diganggu kerana DNA yang terdapat pada setiap barang kes adalah unik.

Semasa pemeriksaan balas peguam Datuk N. Sivananthan, mewakili tertuduh Kol Dr R. Kunaseegaran, mengenai 'Male 1' (Lelaki 1), pada satu profil DNA bercampur dari dua individu yang ditemukan pada kesan darah di atas wayar, Nor Aidora berkata: "Saya membuat kesimpulan terdapat individu lain, seorang lelaki".

"Bagaimanapun, saya tidak dapat memutuskan sama ada ia (DNA) itu sepadan atau tidak dengan 11 sampel individu lain kerana kelemahan DNA 'Male 1,'" katanya.

Bagi tujuan analisis DNA, Nor Aidora berkata beliau menerima 11 sampel darah daripada individu berlainan.

Kepada soalan Sivananthan, sama ada terdapat DNA Kunaseegaran pada mana-mana barang kes setakat ini, Nor Aidora berkata beliau tidak menjumpai apa-apa profil DNA yang bersamaan dengan profil DNA pada spesimen kesan darah WB4 yang berlabel Kunaseegaran.

Sivananthan : Semua 11 sampel tidak boleh menjadi 'Male 1'?

Nor Aidora : Ya

Sivananthan : Siapakah 'Male 1' itulah persoalannya, benar?

Nor Aidora : Ya

Sementara itu pada prosiding hari ketiga, kelihatan pihak pendakwaan, pengamal media dan keluarga tertuduh masih memakai penutup hidung ekoran bau kurang menyenangkan berpunca dari barang kes yang dibawa ke mahkamah untuk tujuan pengecaman.

Pada 27 Jan lepas, enam lelaki - G. Gunasekaran, 48; R. Dinishwaran, 24; A.K Thinesh Kumar, 23; M. Vishwanath, 26; Nimalan, 23; dan Ravi Chandaran, 45; didakwa membunuh Kevin Morais antara 7 pagi dan 8 malam, 4 Sept, 2015, di antara Jalan Dutamas Raya Sentul dan No. 1 Jalan USJ1/6D, Subang Jaya.

Mereka berdepan hukuman mati mandatori jika disabitkan kesalahan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Kunaseegaran, 53, yang merupakan tertuduh pertama, mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan bersubahat dengan enam lelaki itu dalam pembunuhan Kevin Morais di tempat, tarikh dan masa yang sama mengikut Seksyen 109 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama-sama Seksyen 302 akta sama.

Gunasekaran, Vishwanath, Nimalan dan Ravi Chandaran diwakili peguam V. Rajehgopal manakala Dinishwaran dan Thinesh Kumar diwakili peguam M.Manoharan dan peguam Sivananthan mewakili Dr Kunaseegaran.

Perbicaraan bersambung Selasa.

-- BERNAMA

KES KEVIN MORAIS

DNA BERPADANAN

■ Hasil analisis dijalankan mendapati
spesimen darah adalah milik tertuduh keenam, ketujuh

Sarah Zulkifli
sarah@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Mahkamah Tinggi, di sini, semalam, diberitahu bahawa asid deoksiribonukleik (DNA) yang ditemui pada sehelai kemeja T hitam adalah berpadanan dengan spesimen darah dua tertuduh dalam kes pembunuhan Timbalan Pendakwa Raya Datuk Anthony Kevin Morais, September tahun lalu.

Ahli Kimia, Nor Aidora Saedon, 43, berkata, hasil analisis yang dijalanannya mendapati DNA yang berpadanan dengan spesimen darah itu adalah milik tertuduh keenam, S Nimalan, 23, dan tertuduh ketujuh, S Ravi Chandaran, 45.

Nor Aidora yang berkhidmat di Seksyen Forensik DNA, Bahagian Forensik Jabatan Kimia memberitahu, dia menemui profil DNA Nimalan pada bahagian ketiak kiri baju itu manakala profil DNA Chandaran pada bahagian ketiak kanan pakaian berkenaan.

"Turut ditemui pada kemeja T itu adalah satu profil DNA 'unknown' (tidak

diketahui) yang berpadanan dengan spesimen darah milik David Ramesh dan Richard Dilaan iaitu adik ketiga dan keempat Kevin pada bahagian depan baju berkenaan.

"Berdasarkan profil DNA yang dipadankan itu, kebarangkalian pemilik sampel 'unknown' adalah adik beradik kandung dengan penderma penderma sampel darah (Ramesh dan Richard) adalah 99.99 peratus," katanya ketika menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya, Wan Shaharuddin Wan Ladin dalam perbicaraan hari ketiga kes pembunuhan itu.

WAN SHAHARUDDIN: Adakah berkemungkinan ada berlaku sentuhan an

tara DNA 'unknown' dengan DNA Nimalan?

NOR AIDORA: Berkemungkinan ada sentuhan dan juga tidak.

WAN SHAHARUDDIN: Bagaimana DNA Nimalan ada pada baju itu?

NOR AIDORA: Apabila kita mendapat profil DNA bercampur, banyak sebab berkemungkinan boleh berlaku berdasarkan beberapa keadaan seperti kedua-duanya pernah bersentuhan atau dia memakai kemeja T itu. Boleh jadi juga kemungkinan, sebagai contoh apabila seseorang itu batuk, bersin atau meludah baju berkenaan.

WAN SHAHARUDDIN: Jika puan merujuk baju itu, bolehkah tunjuk di mana ditemukan DNA 'unknown', Nimalan dan Chandaran?

NOR AIDORA: Profil DNA Nimalan pada ketiak kiri baju manakala profil DNA Chandaran pada ketiak kanan serta DNA 'unknown' pada bahagian depan pakaian berkenaan.

WAN SHAHARUDDIN: Boleh jelaskan bagaimana mana puan membuat proses untuk mendapat DNA pada baju itu?

NOR AIDORA: Sa

ya mendapatkan DNA itu dengan cara mengikis baju itu. Ada tiga cara untuk memperoleh kesan DNA surih iaitu dengan memotong tempat yang berkenaan serta mengambil kapas kesat dan menggunakan pisau pengikis yang sangat tajam bagi mengikis apa saja yang melekat pada barang kes.

WAN SHAHARUDDIN: Adakah cara yang digunakan itu sesuai bagi mendapatkan kesan DNA?

NOR AIDORA: Ya. Teknik yang diguna pakai adalah mengikut kesesuaian barang kes dan ia juga di terima pakai di peringkat antarabangsa.

Dalam prosiding itu, Nor Aidora berkata, dia tiada kaitan dengan keluarga mangsa atau keluarga tertuduh dan tiada sebab untuk dirinya mengusik barang kes diberikan polis ketika disoal Wan Shaharuddin bagaimana dia memasukan barang kes itu dalam keadaan baik.

Jawapan diberikan saksi kesembilan itu menyebabkan Wan Shaharuddin memaklumkan bahawa dia tidak memaksudkan Nor Aidora yang akan mengusik barang itu, sebaliknya orang lain.

Suasana di dewan mahkamah kemudian menjadi bising sebentar apabila segelintir orang yang hadir di galeri awam bagi melihat perbicaraan itu ketawa melihat telatah Nor Aidora.

WAN SHAHARUDDIN: Bagaimana awak memasukan barang kes tidak disentuh?

NOR AIDORA: Apabila barang kes sampai pada saya dalam keadaan dime terai, ada tandatangan saya dan saya yakin barang kes di analisis adalah tidak disentuh serta di bawa masuk ke tempat asal dengan dime terai sebelum dibawa semula oleh pihak polis.

WAN SHAHARUDDIN: Kemudian?

NOR AIDORA: Dokumen adalah disimpan oleh saya sendiri. Saya tiada kaitan dengan keluarga mangsa atau keluarga tertuduh, jadi tiada sebab saya untuk saya nak mengusik barang itu.

WAN SHAHARUDDIN: Tak, saya tak kata puan. Apabila puan kata doku men disimpan di bilik kebal siapa yang mempunyai akses ke situ?

NOR AIDORA: Semua dokumen di bawah pengawasan saya. Bilik kebal hanya boleh diakses oleh yang bekerja di forensik DNA dan sesiapa yang tidak bekerja di situ tidak mempunyai akses untuk masuk ke situ.

Pada 27 Januari lalu, enam lelaki, G Gunasekaran, 48, R Diniswaran, 24, A K Thinesh Kumar, 23, M Vishwanath, 26, S Nimalan, 23, dan Chandaran, mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan membunuh Kevin antara 7 pagi dan 8 malam, 4 September, 2015, di antara Jalan Dutamas Raya Sentul dan nombor 1 Jalan USJ 16D, Subang Jaya.


Mereka berdepan hukuman mati mandatori jika disabitkan kesalahan mengikut Seksyen 302, Kanun Keseksaan.

Kolonel Dr R Kunasegaran, 53, pakar patologi ten tera yang juga tertuduh pertama mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan bersubahat dengan enam lelaki itu dalam pembunuhan Kevin Morais di tempat, tarikh dan masa yang mengikut Seksyen 109, Kanun Keseksaan dan dibaca bersama sama Seksyen 302, akta sama.

Kevin dilaporkan hilang pada 4 September tahun lalu. Beliau dilihat meninggal apartmennya di Menara Duta, di sini, dengan menaiki kereta Proton Perdana nombor pendaftaran WA626-JQ.

Mayatnya ditemui di dalam sebuah tong dram yang disimen di Persiaran Subang Mewah, Subang Jaya, dekat sini, pada 16 September tahun lalu.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Azman Abdullah bersambung pada Selasa depan.



“Profil DNA Nimalan pada ketiak kiri baju manakala profil DNA Chandaran pada ketiak kanan Nor Aidora”

DNA match for 2 suspects

KUALA LUMPUR: The High Court was told yesterday that the DNA profiles found on a T-shirt matched that of two of the men on trial for the murder of deputy public prosecutor Datuk Anthony Kevin Morais and an unknown male.

Chemistry Department DNA forensics analyst Nor Aidora Saedon said two DNA profiles on the black T-shirt matched profiles obtained from a bone specimen labelled "unknown" and blood specimens labelled S. Nimalan and S. Ravi Chandaran.

"The DNA from the armpit areas matched the profiles of two DNA blood specimens labelled as S. Nimalan and S. Ravi Chandaran," she said on her second day testifying at the murder trial.

Nor Aidora said her analysis also found that the DNA specimen labelled "unknown" was a close match to DNA samples obtained from Kevin's biological brothers David


Ramesh and Richard Dilaan.

Earlier, she did not deny the possibility that the DNA profiles could be difficult to be obtained due to the decomposition process of the human body.

Examined by DPP Wan Shahrudin Wan Ladin, Nor Aidora said she was certain that the DNA samples given to her to analyse were not tampered with, based on the stringent procedures set for the safe room at her office.

Cross examined by counsel Datuk N. Sivananthan, who is representing accused Colonel Dr R. Kunaseegaran, on a DNA profile labelled "Male 1", Nor Aidora said she was only able to conclude that the specimen was taken from a male.

To another question, on whether the DNA matches with the samples obtained from 11 individuals, the chemist said she could not positively conclude it.





Sabah Fire and Rescue Department's MI-171 helicopter water bombing fires in the Trus Madi Forest Reserve yesterday. Pic courtesy of the Fire and Rescue Dept

Water bombing helps douse Sabah forest fires

TAMBUNAN: The Fire and Rescue Department spent more than two hours putting out fires at hotspots in the Trus Madi Forest Reserve here yesterday.

Although the fires could not be put out completely, Sabah Fire and Rescue Department assistant director (operations) Khairul Azuwan Ibrahim said as of press time, the fires had been reduced when the exercise was completed using the department's MI-171 helicopter. The exercise ended after 4pm.

"Water sources were far away and it was challenging to go back and forth to put out the fire as it was

higher than sea level.

"We could not douse all of it today (yesterday) as the aircraft had to return to Kota Kinabalu to refuel.

"But, we have a team on the ground, 10 (personnel) from the Fire and Rescue Department and 10 from the Sabah Forestry Department, to do the mopping up.

"Hopefully they will be able to douse the remaining flames," he said, adding that they would consider continuing the water bombing exercise today if the weather and other conditions were favourable.

Meanwhile, the operation to put out open fires in the Binsuluk Forest

Reserve in Beaufort has been ongoing since March 29, with more than 200 firemen and Sabah Forestry Department personnel working to put out the flames.

Open fires have become rampant in Sabah's west-coast following the dry spell for more than two months, but the **Meteorological Department** has predicted that rains will return and become more frequent in coming weeks.

For the past week, intermittent rains have been recorded in isolated areas in the west coast region, but they were not enough to put out open fires.